

Bil. (57) dlm. KKM-82/2/6

19 hb Julai, 1986

Semua Pengarah Perkhidmatan Perubatan  
dan Kesihatan Negeri.

Pengarah Perkhidmatan Perubatan,  
Sabah/Sarawak.

Pengarah,  
Hospital Besar Kuala Lumpur.

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL.11/1986

Pengawasan Keatas Pengamal-pengamal Perubatan Swasta

Kita perlu meningkatkan pengawasan keatas pengamal-pengamal perubatan swasta supaya mereka mematuhi setiap peraturan undang-undang yang berkaitan dengan amalan perubatan seperti Akta Perubatan 1971, Ordinan Racun 1952 dan Medicines (Advertisement and Sales Ordinance) 1956. Pengawasan yang rapi juga bertujuan menjaga kepentingan orangramai.


2. Setiap klinik swasta hendaklah diperiksa sekurang-kurangnya setahun sekali. Pemeriksaan tersebut hendaklah meliputi cara-cara ubat-ubat racun disimpan dan direkod, dan juga perkara-perkara lain yang menyentuh kepentingan orangramai seperti papan tanda yang menunjukkan waktu urusan (consultation hours); yang sepatutnya ada dan dipatuhi di setiap kelinik.

3. Dari 2804 pengamal-pengamal swasta yang telah dikeluarkan Perakuan Amalan Tahunan dalam tahun 1986, seramai 872 menjalankan amalan perubatan di lebih dari satu tempat. Apa yang perlu dipastikan adalah pengamal-pengamal perubatan tersebut menepati waktu-waktu urusan yang dicatitkan dalam papan-papan tanda. Dalam lain perkataan jika papan tanda menyatakan waktu urusan ialah dari jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah pada hari Isnin, maka pengamal-pengamal hendaklah hadir pada waktu dan hari tersebut. Ini adalah bertujuan menghentikan amalan-amalan seorang pengamal memberi "coverage" kepada seorang yang bukan pengamal berdaftar yang seringkali dilaporkan dalam media massa.

4. Senarai doktor-doktor private yang telah dikeluarkan sijil amalan tahunan dalam tahun 1986 telah dikemukakan kepada tuan oleh Urusetia Mjlis Perubatan Malaysia. Tuan hendaklah mengatur kelinik mereka diperiksa sekurang-nya setahun sekali.

5. Perlaksanaan Surat Pekeliling ini akan dimonitor oleh Pengarah Perkhidmatan Farmasi.

Saya yang menurut perintah,

  
Tan Sri Datuk (Dr) Abdul Khalid bin Sahan  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

s.k: Ketua Setiausaha.

Semua Ketua Bahagian.

YB Menteri Kesihatan.

YB Timbalan Menteri Kesihatan.

YB Setiausaha Parlimen.

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan.

-/re